

Pencemaran loji kumbahan punca ikan mati

BH 21/03/24 m/s 16

Kulai: Kejadian ratusan ikan mati dalam Tasik Taman Matahari, Bandar Indahpura, di sini, disebabkan pencemaran air yang berpunca daripada sebuah loji rawatan kumbahan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar, Ling Tian Soon, berkata dapatan itu diperoleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor yang menjalankan siasatan selepas mendapat aduan kelmarin.

Katanya, hasil pemerhatian mendapati terdapat efluen berwarna hitam di dalam longkang loji itu.

“Loji itu juga disyaki melakukan pelepasan efluen kumbahan secara pintasan (bypass),” katanya dalam kenyataan, semalam.

Tian Soon berkata, bacaan in-situ juga diambil di laluan efluen keluar loji dan air dalam kolam.

“Didapati bacaan status kualiti air bagi kedua-dua lokasi adalah merosot.

“Susulan itu, JAS Johor sudah mengeluarkan arahan lapangan dan notis arahan kepada loji berkenaan untuk menghentikan pencemaran serta membaiki sistem STP dengan serta-merta,” katanya.

Beliau berkata, penguatkuasaan susulan sudah dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan Industri JAS Johor bersama Bahagian Kesihatan serta Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) terhadap loji itu untuk siasatan dan



Ratusan ikan mati dalam Tasik Taman Matahari, Bandar Indahpura, Kulai.

(Foto tangkap layar tular)

tindakan lanjut.

“JAS juga akan melakukan pemantauan berterusan terhadap keadaan air Tasik Taman Matahari serta status pematuan loji rawatan kumbahan itu,” katanya.

Terdahulu, tular video berdurasi 30 saat memaparkan ratusan ikan timbul dan mati manakala ratusan ikan yang lain kelihatan seakan mabuk di Tasik Taman Matahari, Bandar Indahpura di sini.